

**HUBUNGAN ANTARA NILAI-NILAI MURNI KBSM DENGAN
TINGKAH LAKU AGRESIF DALAM KALANGAN
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

ANIS ILIANI BINTI AHMAD

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
PSIKOLOGI PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2012

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

22 Oktober 2012


ANIS ILIANI BINTI AHMAD
M2009200115



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
لوتريستى قنديديقتن سلطان ادرىس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 00 m/s: 1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

Hubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku
Agensif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

No. Matrik / Matric's No.:

M2009200115

Saya / I :

Anis Liyana Binti Ahmad.

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that my Thesis/Dissertation/Project Paper is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya berjaya saya menyiapkan kajian ini. Pengiktirafan dan pujian istimewa kepada penyelia projek, Dr. Suppiah A/L Nachiappan yang telah banyak memberi bimbingan, teguran dan nasihat sehingga saya dapat menyiapkan kajian ini. Buat Dr. Mohammad Aziz Shah Mohamed Rip jutaan terima kasih diucapkan kerana memberi komen yang membina dalam melengkapkan disertasi ini.

Rakaman penghargaan juga ditujukan kepada suami tersayang, Ahmad Ridzuan Mohamad Rodzi yang sangat memahami dan banyak memberi komen dan nasihat yang bernas sehingga dapat menyiapkan disertasi ini.

Seterusnya ucapan terima kasih kepada pengetua SMK Sungai Ranggung kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian soal selidik di sekolah beliau. Tidak lupa juga kepada pelajar-pelajar SMK Sungai Ranggung yang memberi kerjasama yang baik dalam menjalankan proses soal selidik dan pengumpulan data kajian.

Penghargaan jutaan terima kasih juga kepada pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan, En. Samsudin Suhaili dan Tn Hj. Mohd. Kamar yang sudi berkongsi dan memberi kerjasama yang baik dalam proses membina item soal selidik kajian ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada sesiapa yang berkenaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

Semoga Allah memberkati jasa dan usaha kalian.

Syukur, Alhamdulillah...

ABSTRAK

Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar SMK Sungai Ranggam, Kg. Gajah. Sampel kajian terdiri daripada 50 orang pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima yang mempunyai rekod masalah disiplin. Data kajian diperoleh menggunakan dua set soal selidik iaitu set soal selidik nilai-nilai murni KBSM dan set soal selidik *Aggression Questionnaire*. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science* (SPSS). Ujian korelasi Pearson digunakan bagi melihat hubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan min, sisihan piawai dan peratus untuk memperihalkan item-item dalam dapatan kajian yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar SMK Sungai Ranggam, Kg. Gajah pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara nilai berdikari dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar SMK Sungai Ranggam, Kg. Gajah pada tahap kuat. Min skor nilai kesyukuran menunjukkan min paling dominan dalam kalangan pelajar. Dapat disimpulkan daripada kajian ini, pelajar menengah rendah mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi berbanding pelajar menengah atas. Hasil kajian diharapkan dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), guru-guru, pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat bagi meningkatkan penerapan nilai-nilai murni dalam mengatasi masalah tingkah laku pelajar.

RELATIONSHIP BETWEEN KBSM GOOD VALUE WITH AGGRESSIVE BEHAVIOR AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

Aim of this study is to investigate the relationship between KBSM good values with aggressive behavior in SMK Sungai Ranggam, Kg. Gajah. Research sample consisting of 50 form one students to form five that have school discipline problem record. Study data achieved with survey method use two sets of questionnaires, KBSM good values questionnaire and Aggression Questionnaire. Data that collected analysed use Statistical Packages For Social Science software (SPSS). Correlation test Pearson used to see relationship between KBSM good values with aggressive behavior in among secondary school students. Analysis descriptive statistics used to explain mean, standard deviation and percent to narrate items in study findings that carried out. The findings of study showed the relationship that significant between KBSM good values with aggressive behavior in SMK Sungai Ranggam 's students, Kg. Gajah at moderate levels. However, the findings of study showed is relationship that significant between independent value with aggressive behavior in SMK Sungai Ranggam 's students, Kg. Gajah at strong level. Mean thanksgiving value score show most dominant mean in students. Can be concluded from studies, lower secondary students have higher good values compared upper secondary students. The finding of this research can help Malaysian's Ministry of Education (KPM), teachers, school, parents and society to increase application of moral values to overcome student behaviour problems.

KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SINGKATAN/SIMBOL	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Persoalan Kajian	16
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.7	Hipotesis	20
1.8	Kepentingan Kajian	22
1.9	Limitasi Kajian	24
1.10	Definisi Operasional	27
	1.10.1 Nilai-nilai Murni	27
	1.10.2 Tingkah Laku Agresif	28
	1.10.3 Pelajar	30
	1.10.4 Sekolah Menengah	31
	1.10.5 Umur	31
1.11	Rumusan	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	33
2.2	Pengenalan KBSR dan KBSM	34
2.3	Falsafah Pendidikan Negara	35
2.4	Model Nilai-nilai Murni	36
2.5	Konsep Nilai	43
2.6	Model Pengajaran Nilai	45
2.7	Tingkah Laku Agresif	46
2.8	Teori <i>General Aggression</i> Model Anderson dan Bushman	48
2.9	Psikologi Remaja	49
2.10	Teori-Teori Perkembangan Psikologi	53
2.11	Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura	56
2.12	Teori Pembelajaran Sosial Julian Rotter	60
2.13	Kajian Lepas	62
	2.13.1 Kajian Luar Negara	62
	2.13.1 Kajian Dalam Negara	65
	2.13.2.1 Kajian Nilai-nilai Murni	66
	2.13.2.2 Kajian Tingkah Laku	68

2.14	Rumusan	77
------	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	79
3.2	Reka Bentuk Kajian	80
3.3	Tempat Kajian	81
3.4	Populasi dan Sampel	82
3.5	Instrumen Kajian	83
3.5.1	Instrumen Ukuran Maklumat Diri	84
3.5.2	Instrumen Ukuran Item Nilai-nilai Murni	85
3.5.3	Instrumen Ukuran Item <i>Aggression Questionnaire</i>	87
3.6	Prosedur Pengiraan Markat Soal Selidik	87
3.6.1	Item Nilai-nilai Murni	88
3.6.2	Item <i>Aggression Questionnaire</i>	89
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	90
3.7.1	Kesahan Instrumen Soal Selidik	91
3.7.1.1	Kesahan Instrumen Nilai-nilai Murni	91
3.7.1.2	Kesahan Instrumen <i>Aggression Questionnaire</i>	95
3.7.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	96
3.7.2.1.1	Kebolehpercayaan Instrumen Nilai-nilai Murni	100
3.7.2.2	Kebolehpercayaan Instrumen <i>Aggression Questionnaire</i>	102
3.8	Prosedur Kajian	103
3.9	Pengumpulan Data	104
3.10	Analisis Data	105
3.11	Prosedur Analisis Data	106
3.12	Rumusan	111

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	112
4.2	Pengurusan Data	113
4.3	Keputusan Deskriptif	113
4.3.1	Sampel Kajian Mengikut Jantina (Tingkah Laku Agresif)	114
4.3.2	Sampel Kajian Mengikut Umur (Tingkah Laku Agresif)	114
4.3.3	Konstrak Nilai-nilai Murni Bagi 50 Sampel	115
4.3.4	Keputusan Persoalan Kajian	116
4.3.4.1	Apakah min skor nilai-nilai murni KBSM yang paling dominan dalam kalangan pelajar sekolah menengah?	116
4.3.4.2	Apakah min skor nilai-nilai murni KBSM yang paling dominan mengikut umur dalam kalangan pelajar sekolah menengah?	118
4.4	Keputusan Hipotesis Kajian	119
4.4.1	Pengujian H_{01}	121
4.4.2	Pengujian H_{02}	123
4.4.3	Pengujian H_{03}	125
4.4.4	Pengujian H_{04}	127

4.4.5	Pengujian H_{05}	129
4.4.6	Pengujian H_{06}	131
4.4.7	Pengujian H_{07}	133
4.4.8	Pengujian H_{08}	135
4.4.9	Pengujian H_{09}	137
4.4.10	Pengujian H_{10}	139
4.4.11	Pengujian H_{11}	141
4.4.12	Pengujian H_{12}	143
4.4.13	Pengujian H_{13}	145
4.4.14	Pengujian H_{14}	147
4.4.15	Pengujian H_{15}	149
4.4.16	Pengujian H_{16}	151
4.4.17	Pengujian H_{17}	153
4.4.18	Pengujian H_{18}	155
4.5	Rumusan Keputusan Hipotesis Kajian	157
4.6	Rumusan	160

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	165
5.2	Sampel Kajian	166
5.2.1	Peratusan Skor Nilai-nilai Murni KBSM	166
5.2.2	Min Skor Nilai-nilai Murni KBSM Yang Paling Dominan	167
5.2.3	Min Skor Nilai-nilai Murni KBSM Yang Paling Dominan Mengikut Umur	168
5.3	Hubungan Nilai-nilai Murni KBSM Dan Tingkah Laku Agresif	169
5.3.1	Hubungan Nilai-nilai Murni KBSM Dengan Tingkah Laku Agresif	170
5.3.2	Hubungan Antara Konstrak Nilai-nilai Murni KBSM Dengan Tingkah Laku Agresif	172
5.4	Implikasi Kajian	176
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	185
5.6	Kesimpulan	186

RUJUKAN	190
---------	-----

LAMPIRAN

- Soal Selidik Kajian
- Data Analisis Ujian Rintis (Alpha Cronbach's)
- Data Analisis Kajian
- Surat Pengesahan Kesahan Pakar Item Soal Selidik
- Surat Pengesahan Menjalankan Kajian

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat	
3.1	Taburan Sampel Kajian Mengikut Tingkatan dan Jantina	83
3.2	Susunan Item-item Nilai-nilai Murni	86
3.3	Markat Ukuran Nilai-nilai Murni	88
3.4	Kategori Tahap Nilai-nilai Murni	89
3.5	Markat Ukuran Item <i>Aggression Questionnaire</i>	89
3.6	Kategori Tahap <i>Aggression Questionnaire</i>	90
3.7	Senarai Pakar Rujuk bagi Mengesahkan Instrumen Soal Selidik	92
3.8	Nilai Kesahan Item Sub Skala Soal Selidik Nilai-nilai Murni Berdasarkan Panel Pakar	93
3.9	Nilai Kesahan Item Sub Skala <i>Aggression Questionnaire</i> Berdasarkan Panel Pakar	95
3.10	Kebolehpercayaan Konstruk Nilai-nilai Murni	101
3.11	Kaedah Analisis Data	107
4.1	Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina (Tingkah Laku Agresif)	114
4.2	Taburan Sampel Kajian Mengikut Umur (Tingkah Laku Agresif)	114
4.3	Peratusan Konstrak Nilai-nilai Murni Bagi 50 Sampel	115
4.4	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Varians Skor Nilai-nilai Murni	116
4.5	Taburan Min, Sisihan Piawai dan Varians Skor Nilai-nilai Murni Mengikut Umur	118
4.6	Nilai Pekali Korelasi Pearson	120
4.7	Hubungan Antara Nilai-nilai Murni KBSM Dengan Tingkah Laku Agresif	121
4.8	Hubungan Antara Nilai Baik Hati Dengan Tingkah Laku Agresif	123
4.9	Hubungan Antara Nilai Berdikari Dengan Tingkah Laku Agresif	125
4.10	Hubungan Antara Nilai Hemah Tinggi Dengan Tingkah Laku Agresif	127
4.11	Hubungan Antara Nilai Hormat Menghormati Dengan Tingkah Laku Agresif	129
4.12	Hubungan Antara Nilai Kasih Sayang Dengan Tingkah Laku Agresif	131
4.13	Hubungan Antara Nilai Keadilan Dengan Tingkah Laku Agresif	133
4.14	Hubungan Antara Nilai Kebebasan Dengan Tingkah Laku Agresif	135
4.15	Hubungan Antara Nilai Keberanian Dengan Tingkah Laku Agresif	137
4.16	Hubungan Antara Nilai Kebersihan Fizikal Dan Mental Dengan Tingkah Laku Agresif	139
4.17	Hubungan Antara Nilai Kejujuran Dengan Tingkah Laku Agresif	141
4.18	Hubungan Antara Nilai Kerajinan Dengan Tingkah Laku Agresif	143
4.19	Hubungan Antara Nilai Kerjasama Dengan Tingkah Laku Agresif	145
4.20	Hubungan Antara Nilai Kesederhanaan Dengan Tingkah Laku Agresif	147
4.21	Hubungan Antara Nilai Kesyukuran Dengan Tingkah Laku Agresif	149
4.22	Hubungan Antara Nilai Semangat Patriotik Dengan Tingkah Laku Agresif	151
4.23	Hubungan Antara Nilai Rasional Dengan Tingkah Laku Agresif	153
4.24	Hubungan Antara Nilai Semangat Bermasyarakat Dengan Tingkah Laku Agresif	155
4.25	Rumusan Keputusan Hipotesis Kajian	157
4.26	Rumusan	160

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	19
2.1 Model Perkembangan Falsafah Pendidikan dan Nilai	37
2.2 Model Inkuiri Nilai Banks	45
2.3 Teori <i>General Aggression Model</i> Anderson dan Bushman (2002)	49
4.1 Carta Bar Min Skor Nilai-nilai Murni	117
4.2 Carta Pie Min Skor Nilai-nilai Murni Mengikut Umur	119

SINGKATAN DAN SIMBOL

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
Kg.	Kampung
<	Kurang Daripada
>	Lebih Daripada
p	Aras Signifikan
df	Darjah Kebebasan
N	Jumlah Sampel
SD	Sisihan Piawai
r	Pekali Korelasi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan adalah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). NKRA pendidikan merupakan landasan dan titik permulaan dalam usaha menambah baik prestasi pelajar dalam sistem pendidikan peringkat sekolah secara menyeluruh, serta membolehkan mereka mendapat akses kepada pendidikan yang berkualiti. Matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) adalah untuk membangunkan potensi individu secara holistik dan bersepadu bagi melahirkan individu yang seimbang dari segi keupayaan intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sistem pendidikan negara menekankan penerapan nilai dan etika yang menjadi asas penting kepada pencapaian Wawasan 2020. Sistem pendidikan adalah penting untuk memperkukuhkan daya saing Negara dan membangunkan satu Malaysia.

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang, harmoni dan bermoral tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Kerajaan telah mewujudkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) untuk melahirkan warganegara yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Oleh yang demikian, aspek pendidikan merupakan fokus utama yang perlu diberi perhatian bagi melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, berketerampilan, berilmu pengetahuan, bertanggungjawab dan berdaya saing serta memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Pendidikan merupakan satu proses yang memberi pengaruh yang kuat terhadap nilai dan gaya hidup seseorang warganegara. Hal ini dianggap sebagai satu mekanisme yang penting bagi pembangunan individu, masyarakat dan negara. Pelajaran nilai yang berlandaskan keimanan dan kepercayaan kepada Tuhan, telah wujud lama sebelum pengajaran formal bermula di negara ini. Kandungan KBSM yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai sesuai ke arah memperkembangkan lagi potensi pelajar secara menyeluruh dan seimbang yang telah diterapkan dalam setiap pelajaran. Ini bermakna sekiranya pelajar melalui proses pendidikan di sekolah dengan berkesan dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek, akan melahirkan insan yang berakhlak mulia, berketerampilan, berilmu pengetahuan dan bertanggungjawab. Sebaliknya, peratus keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia hari ini menggambarkan seolah-olah proses

pengajaran dan pembelajaran yang diterima kurang diterapkan dengan nilai-nilai murni walaupun telah diterapkan dalam ajaran agama mereka.

Aspek nilai yang menekankan kepada nilai-nilai murni merupakan tanggapan bagi menentukan perkara-perkara yang baik, luhur dan mulia. Jika sesuatu nilai memberi kesan positif bagi individu atau masyarakat, nilai tersebut dianggap sebagai nilai murni, sebaliknya jika nilai itu memberi kesan negatif dan masalah, ianya dianggap sebagai nilai kurang baik atau buruk. Nilai murni juga dapat dijadikan panduan dan pedoman bagi membolehkan individu, keluarga dan masyarakat mewujudkan kehidupan yang baik, adil dan sejahtera.

Nilai-nilai murni perlu dijadikan prinsip utama dalam segala bentuk keputusan yang dibuat. Sebarang tindak tanduk, pandangan, amalan dan perjuangan yang bercanggah dengannya jika diterima dan dibiarkan sudah tentu akan merosakkan masyarakat. Individu dan masyarakat perlu berusaha membanteras nilai-nilai buruk yang boleh membawa kesan buruk dan kemusnahan kepada kehidupan manusia.

Masalah sosial dan krisis moral tidak akan dapat dibendung sekiranya nilai-nilai tersebut tidak dipertahankan oleh masyarakat. Nilai-nilai ini perlu mendasari segala dasar pembangunan, dasar sosial, urusan perniagaan, hubungan, peraturan dan undang-undang, (Abd. Rahim, 2004).

Oleh yang demikian, selaras dengan hasrat kementerian pelajaran untuk melahirkan individu yang seimbang dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN), nilai-nilai murni

dan nilai baik perlu dijadikan nilai teras yang diterapkan dalam kurikulum dan dalam segala bentuk pendidikan di sekolah. Sekolah sebagai satu institusi pendidikan perlu menyemai dan mengukuhkan pemupukan nilai-nilai murni bagi melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan dapat mengamalkan perkara-perkara yang baik dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam FPN akan dapat dicapai jika nilai-nilai murni ini dapat direalisasikan melalui kurikulum sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan di sekolah merupakan contoh pendidikan formal. Di sinilah pelajar dididik dan diajar untuk menjadi insan yang berilmu, berakhlak dan berdisiplin. Nilai-nilai murni perlu diterapkan dalam pendidikan di sekolah dan disisipkan dalam sukatan mata pelajaran. Pendidikan nilai adalah sebahagian daripada elemen yang menjadi asas dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Pendidikan nilai menjadi salah satu unsur yang penting setelah Kementerian Pendidikan melaksanakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke dalam kurikulum. Nilai-nilai murni dalam kurikulum merupakan kesepaduan antara nilai moral, nilai budaya, nilai agama dan nilai estetik. FPN menegaskan penerapan 17 nilai murni masyarakat Malaysia dalam sistem pendidikan Malaysia iaitu baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, patriotik, semangat bermasyarakat, rasional, kesederhanaan, dan kesyukuran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

Cabaran yang sedia ada berkaitan dengan masalah remaja peringkat sekolah seperti lepak, dadah, seks bebas, samseng sekolah, ponteng dan pelbagai kes salah laku perlu ditangani secara bijaksana. Pendekatan nilai merentasi kurikulum dalam membentuk masyarakat adalah ke arah menjadi sebuah Negara yang maju dalam abad yang penuh cabaran ini. Oleh itu, pembangunan Negara perlu seiring dengan pembangunan manusia.

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan agar setaraf dengan negara-negara maju yang lain, pada tahun 1986 hingga awal tahun 1991 adalah merupakan tahap terpenting dalam sejarah pendidikan negara di mana pelbagai perubahan telah dilaksanakan dalam banyak aspek, di samping berusaha untuk menangani cabaran perkembangan semasa yang mana telah mula mengabaikan nilai kerohanian dan juga nilai murni dalam kehidupan masyarakat pada waktu tersebut. Perlaksanaan kurikulum baru KBSR dan KBSM adalah susulan daripada perubahan yang dilakukan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perlaksanaan Dasar Pelajaran yang dikeluarkan pada tahun 1979. Berikutan itu, Kementerian Pelajaran pada ketika itu telah mengambil langkah drastik dengan melaksanakan perakuan yang terkandung dalam laporan tersebut (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

Oleh yang demikian, kurikulum di peringkat rendah dan menengah telah dikaji dan digubal semula dengan tujuan untuk meningkatkan lagi mutu pendidikan negara. Oleh yang demikian, segala perubahan dalam kurikulum, cita-cita FPN dan pendekatan yang menekankan kesepaduan dalam kurikulum menengah perlu difahami oleh semua lapisan masyarakat agar hasrat murni yang ingin dicapai melalui pendidikan dapat dijayakan dengan berkesan dan sempurna.

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang disuratkan berbunyi:

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah perkembangan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara". (hal.3)

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007)

Matlamat penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan adalah untuk melahirkan insan dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak mulia. Keseimbangan dan keharmonian yang terdapat dalam FPN akan dapat dicapai jika nilai-nilai murni ini dapat direalisasikan melalui kurikulum (khususnya dalam pendidikan formal dan tidak formal) supaya ilmu pengetahuan akan dapat diperkembangkan sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, manusia hendaklah menyeru dan menyedarkan sesama manusia yang lain.

Nilai-nilai murni dan nilai baik perlu dijadikan nilai teras yang diterapkan dalam kurikulum dan dalam segala bentuk pendidikan di sekolah. Sekolah sebagai satu institusi pendidikan perlu menyemai dan mengukuhkan pemupukan nilai-nilai murni bagi melahirkan warganegara yang bertanggungjawab dan dapat mengamalkan perkara-perkara yang baik dalam kehidupan mereka. Nilai murni ialah nilai yang mempunyai *standard* moral yang tinggi serta penting kepada sosialisasi perkembangan manusia (Abd. Rahim, 2004).

Nilai murni merupakan tunggak kepada nilai kemanusiaan yang mampu membentuk dimensi pembinaan sahsiah, kekuatan pesonal, kekuatan moral, sosial dan kerohanian. Nilai murni sewajarnya menjadi asas kepada pembinaan dan pembangunan manusia. Individu perlu mempertahankan nilai-nilai murni bagi mengatasi segala bentuk kejahatan, kemungkaran, kejahatan dan kemusnahan.

Rescher (1969) berpendapat bahawa nilai dan kehidupan manusia sememangnya tidak boleh dipisahkan kerana manusia sebagai insan yang rasional dan aktif berfikir sering membuat pertimbangan. Nilai adalah sesuatu dalam pertimbangan semasa membuat analisis akhir mengenai visi manusia dalam mencapai kehidupan sejahtera. Nilai dimanifestasikan secara konkrit dan objektif pada cara dan gaya bertingkah laku, bertutur, cara membuat pemilihan dan penggunaan masa dan daya usaha, dengan kata lain nilai menjadi tenaga pendorong bagi manusia untuk melakukan sesuatu.

Menurut Rokeach (1973), nilai mempunyai tiga komponen utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Apabila seseorang itu dikatakan mempunyai nilai moral, ini bermakna individu tersebut tahu cara yang betul bertindak dari segi afektif. Sesuatu nilai moral dikatakan bersifat afektif kerana seseorang itu menunjukkan emosinya mengenai sesuatu perkara. Manakala, komponen tingkah laku menunjukkan kepada tingkah laku yang dimanifestasikan apabila seseorang itu memiliki sesuatu nilai moral.

Di sekolah, guru memainkan peranan sebagai ibu bapa dalam membentuk kanak-kanak selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan

Negara. Nilai-nilai murni perlu diterapkan bermula dari pendidikan prasekolah yang merupakan asas kepada proses pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak dalam membentuk peribadi dan akhlak yang baik. Guru bukan hanya sekadar menjalankan tugas mengajar mata pelajaran yang terdapat dalam sukatan pelajaran tertentu sahaja, tetapi perlu menerapkan nilai-nilai murni dalam setiap mata pelajaran. Adakalanya nilai murni yang disalurkan itu tidak terdapat secara khusus di dalam subjek tersebut tetapi diterapkan secara tidak formal seperti komunikasi yang baik antara guru dan pelajar yang akan mempengaruhi penanaman nilai dalam jiwa pelajar.

Berdasarkan Teori Perkembangan Moral Kohlberg (1988) yang menyatakan bahawa pengajaran nilai merupakan tanggungjawab bagi membantu pelajar melalui peringkat perkembangan pemikiran moral. Ini bermakna pengajaran nilai di sekolah bertujuan untuk membimbing pelajar mencapai satu peringkat pemikiran dan kesedaran yang tinggi. Kohlberg juga menekankan pendidikan nilai berkait rapat dengan perkembangan personaliti pelajar. Manakala latihan kemahiran perlu dilakukan secara bersepadu agar dapat memperkembangkan diri pelajar dalam aspek emosi, rohani dan jasmani bagi melahirkan pelajar beretika dan berfikiran matang. Pada hakikatnya, nilai murni dan kemahiran merupakan satu elemen pengajaran dan pembelajaran yang paling penting serta saling berkaitan untuk membina masa depan pelajar yang lebih baik.

Pelajar atau remaja adalah kumpulan masyarakat yang bakal mencorakkan masa depan negara. Mereka adalah aset kekayaan semula jadi yang bakal memegang peranan penting dalam politik, ekonomi dan kemasyarakatan di negara ini. Namun demikian, masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja adalah salah satu

daripada ancaman kepada sumber tenaga manusia yang akan merugikan negara dalam jangka masa panjang. Oleh yang demikian, pengamalan nilai-nilai murni penting kepada setiap pelajar agar mereka dapat menghubungkan ilmu pengetahuan yang dipelajari dengan kesedaran bahawa sumber ilmu itu secara mutlak adalah hak tuhan semata-mata (Tajul Ariffin, 1996). Oleh itu, segala masalah sosial yang dihadapi oleh para remaja harus dibendung dan diatasi supaya ia tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap aset yang tidak ternilai ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Sejak kebelakangan ini, kemerosotan disiplin dan keruntuhan moral pelajar di sekolah merupakan satu lagi perkara yang mencabar dan membebani semua pihak terutamanya ibu bapa masa kini. Isu salah laku remaja terutamanya pelajar sekolah merupakan isu semasa yang hangat diperkatakan saban hari. Isu ini menjadi bualan panas dalam kalangan masyarakat tanpa mengira tempat dan keadaan. *Conduct disorders* atau kecelaruan kelakuan atau dikenali sebagai salah laku merujuk kepada satu kumpulan masalah tingkah laku yang biasa berlaku dalam kalangan remaja. Salah laku dicirikan dengan tingkah laku langsung, suka menentang, mengamuk, mengganggu dan enggan patuh kepada peraturan (Novak dan Pelaez, 2004).

Menurut kajian yang dijalankan oleh K. Shoba (2007) masalah disiplin dalam kalangan pelajar seperti merosakkan harta benda, buli, ponteng dan kurang sopan berada pada tahap yang tinggi. Perbuatan merosakkan harta benda awam, gengsterisme,

pergaulan bebas, pelacuran, perjudian, lumba haram, pengambilan dadah dan bermacam-macam lagi salah laku merebak dengan meluas seolah-olah tiada jalan penyelesaian. Remaja yang sering terlibat dengan gejala tidak sihat ini pada asalnya melakukan kegiatan tidak bermoral sebagai satu cara mengisi masa lapang atau sekadar untuk bersuka-suka. Perasaan tanggungjawab tidak wujud dalam diri mereka kerana mereka berpendapat kerosakan tersebut akan dibaiki kelak. Di samping itu, tiada penerapan nilai-nilai murni ditanam dalam diri mereka.

Menurut Dill dan Dill (1998), tingkah laku agresif merupakan tingkah laku yang dilakukan berdasarkan pengalaman dan rangsangan suasana semasa sehingga menyebabkan seseorang itu melakukan tindakan agresif. Tindakan ini boleh berlaku secara dirancang, serta merta atau disebabkan rangsangan oleh sesuatu situasi. Tindakan agresif ini biasanya merupakan tindakan anti sosial yang tidak sesuai dengan budaya dan agama sesebuah masyarakat. Menurut Boron (1977), agresif adalah tingkah laku individu yang dilakukan untuk melukai atau mencederakan individu lain yang tidak menyukai tingkah laku tersebut.

Kes-kes salah laku yang sering berlaku dalam kalangan pelajar sekolah adalah disebabkan tingkah laku bermasalah yang tidak dibendung sejak kecil. Tingkah laku bermasalah ini memberikan kesan kepada pelajar itu sendiri, anggota keluarga, masyarakat, institusi pendidikan dan juga negara. Tingkah laku bermasalah ini menyebabkan berlaku peningkatan masalah disiplin dan kemerosotan prestasi akademik. Prestasi sekolah juga akan turut merosot dan peningkatan masalah disiplin akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Masyarakat juga akan menerima tempias daripada tingkah laku bermasalah ini khususnya dari segi

pertambahan masalah sosial seperti vandalisme dan gengsterisme. Martabat institusi pendidikan dan negara akan turut terjejas ekoran daripada peningkatan gejala sosial dalam kalangan pelajar.

Menurut Polis Bukit Aman yang dilaporkan oleh Lee (2011), pada tahun 2010 jumlah pelajar yang terlibat dalam jenayah adalah sebanyak 1,610 iaitu 0.9 peratus daripada jumlah indeks jenayah yang dicatatkan di negara ini. Statistik salah laku disiplin murid yang direkodkan oleh Kementerian Pelajaran dalam tempoh tiga tahun (2008 hingga 2010) pula menunjukkan ia berada pada kadar purata 2.06 peratus.

Kes salah laku dalam kalangan pelajar bukan lagi satu isu yang baru tetapi sering diperkatakan kini. Kemelesetan disiplin dan keruntuhan moral pelajar sekolah merupakan satu lagi perkara yang mencabar dan membebani semua pihak terutamanya ibu bapa masa kini. Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, seramai 8,809 pelajar berusia antara 7 dan 18 tahun ditahan di seluruh negara kerana terlibat dalam kes-kes jenayah. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,683 pelajar terlibat dalam jenayah kekerasan manakala selebihnya jenayah harta benda. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, remaja berusia 16 hingga 18 tahun mendahului senarai dengan 6,435 tangkapan, diikuti pelajar berusia 13 hingga 15 tahun seramai 2,227 tangkapan. Tidak kurang hebatnya, kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun turut termasuk dalam senarai itu dengan 147 tangkapan (Umavathi, 2008).

Masalah tingkah laku ini merupakan perkara yang perlu diberi perhatian yang serius kerana bermula dengan permasalahan yang kecil, jika ianya berterusan akan

menjadikannya satu kebiasaan. Kemudian ianya akan dibawa hingga ke peringkat dewasa dan masalah ini tidak dapat diubah lagi.

Pendidikan awal peringkat kanak-kanak adalah cara terbaik untuk membimbing pelajar dalam membentuk akhlak dan sahsiah diri yang tinggi. Pendidikan agama yang mencukupi dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri merupakan cara yang berkesan dalam menangani masalah salah laku ini. Ibarat kata pepatah, 'melentur buluh biarlah dari rebungunya'. Pendidikan yang baik membolehkan pelajar membezakan sikap baik dan buruk serta menghindarinya. Ee (1997) menyatakan pendidikan hendaklah dapat membina kesedaran tentang ketuhanan dan kesediaan untuk memahaminya. Pemikiran moral kanak-kanak didapati dipengaruhi oleh model-model sosial seperti ibu bapa, rakan sebaya dan guru (Harvey dan Liebert, 1979).

Hoffman (1975) dan Lickona (1976) mendapati bahawa ada pertalian yang rapat di antara umur kanak-kanak dengan peringkat pemikiran moral, iaitu perkembangan kognitif atau mental mempunyai korelasi yang rapat dengan kebolehan membuat pertimbangan moral. Kanak-kanak dalam peringkat umur 5 tahun sudah berkebolehan membuat pertimbangan moral (Surber, 1982).

Bagi mengatasi masalah ini, ia memerlukan pembabitan pengaruh sekitar untuk menanganinya bersama. Gejala tersebut kian berleluasa sehingga terdapat dalam kalangan pelajar yang sanggup membakar sekolah kerana marahkan guru atau membalas dendam. Kenyataan ini juga turut diakui oleh Kementerian Pendidikan yang menyifatkan salah laku disiplin dalam kalangan pelajar kian meruncing dengan

peningkatan masalah personaliti dan keluarga yang dihadapi pelajar. Persoalannya, siapakah yang harus dipersalahkan? Adakah sistem pendidikan di negara kita masih belum dapat mencari formula bagi menangani gejala ini? Atau adakah KBSM masih kurang berkesan untuk membentuk keperibadian dan moral pelajar-pelajar? Atau adakah sekolah tidak berperanan untuk mendidik dan menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar-pelajar? Atau adakah ibu bapa sendiri tidak memainkan tanggungjawab yang sewajarnya dalam mendidik anak-anak.

Dalam Falsafah Pendidikan Negara, kita dapat merumuskan bahawa kerajaan berhasrat untuk melihat pendidikan di Malaysia sebagai alat untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (JERI). Begitu juga dengan KBSM, prinsip-prinsip yang digubal jelas menampakkan usaha ke arah kesepaduan ilmu berasaskan konsep JERI dan penekanan nilai-nilai murni. Namun persoalannya, kenapa timbul juga isu keruntuhan moral dan salah laku disiplin dalam kalangan pelajar.

Kesimpulannya, semua pihak perlu sama-sama berganding bahu bagi membendung fenomena ini daripada berterusan sehingga menjejaskan imej negara. Pembentukan sahsiah dan keterampilan diri pelajar menuntut penglibatan guru secara aktif dan bersungguh-sungguh. Dalam konteks ini, guru berperanan sebagai pembentuk nilai yakni menerapkan nilai-nilai murni yang tinggi, nilai-nilai agama, akhlak dan keperibadian mulia. Peranan guru ialah untuk menanam kesedaran, kefahaman dan keyakinan dalam diri pelajar tentang kepentingan nilai dan moral. Guru juga berperanan sebagai pendidik khususnya dalam memperkembangkan potensi

pelajar dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Guru juga mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat dan boleh menggunakan statusnya untuk menyebarkan nilai-nilai positif kepada masyarakat.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar SMK Sungai Ranggan, Kg. Gajah. Secara lebih khusus lagi kajian ini mempunyai objektif iaitu:

- 1.4.1 Mengenal pasti min skor nilai-nilai murni KBSM yang paling dominan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.2 Mengenal pasti min skor nilai-nilai murni KBSM yang paling dominan mengikut umur dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.3 Mengenal pasti hubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.4 Mengenal pasti hubungan antara nilai baik hati dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.5 Mengenal pasti hubungan antara nilai berdikari dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.6 Mengenal pasti hubungan antara nilai hemah tinggi dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

- 1.4.7** Mengenal pasti hubungan antara nilai hormat menghormati dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.8** Mengenal pasti hubungan antara nilai kasih sayang dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.9** Mengenal pasti hubungan antara nilai keadilan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.10** Mengenal pasti hubungan antara nilai kebebasan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.11** Mengenal pasti hubungan antara nilai keberanian dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.12** Mengenal pasti hubungan antara nilai kebersihan fizikal dan mental dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.13** Mengenal pasti hubungan antara nilai kejujuran dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.14** Mengenal pasti hubungan antara nilai kerajinan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.15** Mengenal pasti hubungan antara nilai kerjasama dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.16** Mengenal pasti hubungan antara nilai kesederhanaan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.17** Mengenal pasti hubungan antara nilai kesyukuran dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- 1.4.18** Mengenal pasti hubungan antara nilai semangat patriotik dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.4.19 Mengenal pasti hubungan antara nilai rasional dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.4.20 Mengenal pasti hubungan antara nilai semangat bermasyarakat dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar SMK Sungai Ranggung, Kg. Gajah. Secara lebih khusus lagi kajian ini mempunyai persoalan kajian iaitu:

1.5.1 Apakah min skor nilai-nilai murni KBSM yang paling dominan dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

1.5.2 Apakah min skor nilai-nilai murni KBSM yang paling dominan mengikut umur dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

1.5.3 Adakah terdapat hubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

1.5.4 Adakah terdapat hubungan antara nilai baik hati dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

1.5.5 Adakah terdapat hubungan antara nilai berdikari dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

1.5.6 Adakah terdapat hubungan antara nilai hemah tinggi dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

- 1.5.7** Adakah terdapat hubungan antara nilai hormat menghormati dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.8** Adakah terdapat hubungan antara nilai kasih sayang dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.9** Adakah terdapat hubungan antara nilai keadilan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.10** Adakah terdapat hubungan antara nilai kebebasan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.11** Adakah terdapat hubungan antara nilai keberanian dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.12** Adakah terdapat hubungan antara nilai kebersihan fizikal dan mental dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.13** Adakah terdapat hubungan antara nilai kejujuran dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.14** Adakah terdapat hubungan antara nilai kerajinan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.15** Adakah terdapat hubungan antara nilai kerjasama dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.16** Adakah terdapat hubungan antara nilai kesederhanaan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.17** Adakah terdapat hubungan antara nilai kesyukuran dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?
- 1.5.18** Adakah terdapat hubungan antara nilai semangat patriotik dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

1.5.19 Adakah terdapat hubungan antara nilai rasional dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?


1.5.20 Adakah terdapat hubungan antara nilai semangat bermasyarakat dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian dibina dengan mengambil kira hasil kajian lalu dengan beberapa penyesuaian supaya dapat menghasilkan maklumat yang lebih menyeluruh dan terperinci. Terdapat 17 nilai-nilai murni KBSM yang dikenal pasti. Nilai-nilai murni ini diterjemahkan berdasarkan kerangka konsep yang memperlihatkan perkaitan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah seperti dalam Rajah 1.1.

Dalam kajian ini, memokuskan kepada hubungan nilai-nilai murni KBSM terhadap tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah di SMK Sungai Ranggung, Kg. Gajah. Terdapat 17 konstruk nilai-nilai murni KBSM yang dikaji iaitu baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, semangat patriotik, rasional, dan semangat bermasyarakat. Kajian ini bertujuan untuk melihat perkaitan antara nilai-nilai murni KBSM terhadap tingkah laku agresif pelajar sekolah menengah. Di samping itu, untuk melihat min skor nilai-nilai murni yang paling dominan dan min skor nilai-nilai murni mengikut umur dalam

kalangan pelajar SMK Sungai Ranggung, Kg. Gajah. Rajah 1.1 menunjukkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang ingin dikaji dalam kajian ini.



1.7 Hipotesis

1.7.1 Hipotesis Nul

$H_{0(1)}$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

$H_{0(2)}$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai baik hati dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

$H_{0(3)}$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai berdikari dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

$H_{0(4)}$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai hemah tinggi dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

$H_{0(5)}$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai hormat menghormati dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

$H_{0(6)}$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kasih sayang dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

$H_{0(7)}$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai keadilan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

$H_{0(8)}$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kebebasan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₉₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai keberanian dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₀₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kebersihan fizikal dan mental dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₁₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kejujuran dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₂₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kerajinan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₃₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kerjasama dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₄₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kesederhanaan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₅₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai kesyukuran dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₆₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai semangat patriotik dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₇₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai rasional dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Ho₍₁₈₎ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara nilai semangat bermasyarakat dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.8 Kepentingan Kajian

Pelajar merupakan generasi pelapis yang akan menerajui Negara. Oleh yang demikian, pendedahan perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap pencapaian mereka untuk melahirkan individu yang berdaya saing, berinovasi dan berketerampilan untuk meningkatkan nama Malaysia di mata dunia sejajar dengan Wawasan 2020. Generasi yang berketerampilan, berdaya saing dan berakhlak mulia perlu dibentuk dan dibimbing bukan sahaja melibatkan pihak sekolah semata-mata, malah ibu bapa sepatutnya turut memainkan peranan yang lebih besar lagi. Menerusi kajian ini, pelbagai alternatif perlu dicari bagi memberi pendedahan kepada semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah dan kerajaan dalam meningkatkan prestasi pendidikan Negara.

Pada peringkat remaja, seseorang individu remaja akan mengalami perubahan yang amat pesat sekali, sama ada dari segi fizikal, emosi mahupun sosial. Pada peringkat ini para remaja mula terdedah kepada alam luas di luar rumah, malah persekitaran ini merupakan rumah kedua kepada mereka. Remaja juga belajar banyak perkara yang tidak semuanya datang dari ibu bapa tetapi kebanyakannya daripada persekitaran sosial yang mana ia membesar. Pada tempoh-tempoh inilah para remaja mula mengubah tingkah laku, sikap, dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa.

Kita sering bercakap tentang pelbagai masalah tingkah laku yang melanda remaja pada masa kini. Semua permasalahan yang timbul kita menuding jari ke arah remaja seolah-olah merekalah yang silap merencana kehidupan mereka. Sebut saja

masalah tingkah laku remaja seperti merokok, ponteng, mat rempit, pergaulan bebas, dadah, melawan guru, vandalisme, melepak dan pelbagai masalah negatif, semua kesalahan diletakkan di bahu remaja. Oleh yang demikian, kita perlu mencari punca atau faktor yang menjadi tercetusnya permasalahan tingkah laku dalam kalangan remaja. Kajian ini penting untuk melihat sejauh mana perhubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Hasil kajian diharapkan dapat memberi pendedahan kepada semua pihak termasuk ibu bapa, para pendidik dan pihak bertanggungjawab untuk mengkaji semula kurikulum pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Kepada pihak yang bertanggungjawab, dengan terhasilnya kajian ini diharapkan dapat memperbaiki segala kesilapan dan kelemahan yang sedia ada dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ini bertujuan untuk melahirkan generasi yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi pendedahan kepada pendidik dan ibu bapa tentang peranan mereka dalam usaha membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada remaja dalam menerapkan nilai-nilai murni yang perlu dipupuk dan dipraktikkan dalam diri remaja. Tambahan pula, pendidikan agama yang mencukupi dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri merupakan cara yang berkesan dalam menangani masalah tingkah laku dalam kalangan remaja. Oleh yang demikian, dalam

membentuk sahsiah dan keterampilan diri remaja memerlukan perancangan yang berterusan bermula sejak usia kanak-kanak lagi.

Pendekatan psikologi perlu digunakan untuk mengatasi masalah ini. Pelbagai kaedah, teknik, model pembelajaran dan teori-teori berkaitan haruslah digunakan bagi menangani masalah yang semakin meruncing dalam kalangan remaja pada zaman sekarang. Diharapkan, ahli-ahli psikologi dapat berganding bahu dengan pihak sekolah dan kementerian pendidikan dalam mencari jalan alternatif yang terbaik dalam menangani masalah tingkah laku yang semakin menular sejak akhir-akhir ini. Pendekatan psikologi ini penting bagi memberi pendedahan terutamanya pada ibu bapa dan guru dalam memahami dan mengatasi masalah tingkah laku remaja.

Kajian ini juga penting kepada semua pembaca dan pengkaji akan datang dalam usaha pertambahan ilmu pengetahuan dalam memperbanyakkan lagi buku-buku kajian berbentuk ilmiah. Di samping itu, dapat membantu pengkaji pada masa hadapan untuk membuat rujukan hasil daripada penyelidikan ini sebagai rujukan.

1.9 Limitasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan atau limitasi yang tersendiri. Dalam kajian ini, hanya terbatas kepada persoalan tentang nilai-nilai murni KBSM dan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar SMK Sungai Ranggung, Kg. Gajah. Setiap sekolah mempunyai pengurusan dan pentadbiran sekolah yang berbeza-beza. Oleh yang

demikian, kemungkinan terdapat perbezaan hasil dapatan kajian jika kajian ini dijalankan di sekolah berlainan daerah atau negeri.

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah sahaja iaitu SMK Sungai Ranggung, Kg. Gajah. Subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima yang berumur antara 13 tahun hingga 17 tahun yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang sama. Terdapat 10 daerah dalam negeri Perak yang terdiri daripada latar belakang persekitaran yang berbeza bagi setiap daerah atau kawasan. Sekolah yang dipilih dalam kajian ini adalah sekolah menengah dalam daerah Perak Tengah. Terdapat 17 buah sekolah menengah dalam daerah Perak Tengah. Perbezaan dapatan kajian mungkin berlaku kerana subjek yang dikaji oleh pengkaji mempunyai latar belakang dan persekitaran yang berbeza antara setiap sekolah dan daerah. Kemungkinan juga, terdapat perbezaan hasil dapatan kajian jika kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan.

Di samping itu, subjek yang dikaji terdiri daripada pelajar sekolah menengah kawasan luar bandar yang mempunyai latar belakang dan persekitaran sekolah yang berbeza antara setiap sekolah negeri Perak. Perbezaan ini mungkin akan mempengaruhi hasil dapatan kajian sekiranya dijalankan di sekolah kawasan bandar.

Selain itu, subjek kajian yang dikaji terdiri daripada kalangan pelajar yang berbangsa Melayu. Hasil dapatan kajian mungkin berbeza jika dijalankan dalam kalangan pelajar berlainan bangsa seperti bangsa Cina, India dan lain-lain yang mempunyai pelbagai kefahaman, kebudayaan dan kepercayaan masing-masing.

Jumlah subjek kajian yang dijalankan kecil dan melibatkan sebuah sekolah sahaja serta tidak merangkumi keseluruhan pelajar dalam daerah Perak Tengah. Subjek kajian adalah terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima di SMK Sungai Ranggam, Kg. Gajah. Kajian ini hanya terhad kepada 50 orang pelajar dan saiz sampel yang diambil adalah kecil. Ini kerana sekolah tersebut hanya mempunyai 426 orang pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima. Selain daripada itu, pelajar yang terlibat sebagai sampel kajian hanya 50 orang sampel sahaja. Ini kerana, mengikut rekod dan catatan guru bimbingan dan kaunseling sekolah berkenaan, hanya terdapat 50 orang pelajar yang direkodkan mengalami masalah disiplin.

Walau bagaimanapun, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif pelajar di SMK Sungai Ranggam, Kg. Gajah.

Sekolah yang dipilih adalah tempat pengkaji bekerja. Ini akan memudahkan urusan proses kutipan data di samping menjimatkan kos. Hal ini penting kerana terdapat keterbatasan masa dan kos dalam menjalankan kajian ini. Tambahan pula, guru-guru bimbingan dan kaunseling agak sibuk untuk menjalankan program-program sekolah pada hujung tahun. Namun, sampel yang dipilih mewakili populasinya dan mengikut persoalan kajian. Walau bagaimanapun, jika saiz sampel yang besar diambil, hasil dapatan mungkin akan lebih baik dan kesahan akan bertambah.

Tambahan pula, kajian ini tidak mendapat peruntukkan penyelidikan yang khusus menyebabkan pengkaji hanya mengambil saiz sampel yang kecil bagi

menjimatkan kos penyelidikan. Oleh yang demikian, hanya sebuah sekolah sahaja diambil untuk menjalankan penyelidikan ini.

1.10 Definisi Operasional

Definisi istilah kajian merujuk kepada istilah-istilah penting yang digunakan oleh pengkaji berdasarkan kajian yang dijalankan.

1.10.1 Nilai-nilai Murni

Nilai murni dapat didefinisikan sebagai perlakuan yang baik, peradaban dan tatasusila individu manusia dalam hubungannya sesama manusia, alam dan tuhan. Wan Mohd. (1988) mentakrifkan nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat biasanya berasaskan kepada agama. Memang menjadi tujuan semua agama, untuk membentuk kehidupan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhlak mulia.

Dalam kajian ini, terdapat 17 nilai-nilai murni KBSM yang dikenal pasti oleh pengkaji iaitu, baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat

menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, semangat patriotik dan semangat bermasyarakat.

Dalam konteks kajian ini, tingkah laku pelajar dilihat berdasarkan penghayatan nilai-nilai murni yang diamalkan dalam kalangan pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga tingkatan 5 di SMK Sungai Ranggung, Kg. Gajah.

1.10.2 Tingkah Laku Agresif

Menurut Kamus Dewan (2005), tingkah laku bermaksud gerak-geri, kelakuan atau perbuatan. Azizi et al. (2004), menyatakan agresif ialah sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan. Menurut Dominick (1984), pelajar agresif bermaksud pelajar yang telah memaparkan tingkah laku dan skrip keagresifan secara berulang, sama ada secara sedar atau dibangkitkan oleh rangsangan. Pelajar ini telah mempunyai struktur keagresifan yang disimpan di dalam sistem kognitifnya dan akan menunjukkan keagresifan secara langsung terhadap situasi yang berlaku di persekitarannya.

Menurut Anderson (1997), lima kriteria pelajar agresif dinilai dari aspek keagresifan kepercayaan dan perangai, persepsi, jangkaan tingkah laku,

skrip tingkah laku dan bagaimana pelajar menyesuaikan keagresifan dengan tingkah laku mereka. Kelima-lima perkara ini akan meningkatkan kadar keagresifan pelajar sehingga wujudnya personaliti yang agresif dan situasi agresif.

Dalam kajian ini, pelajar agresif merujuk kepada pelajar yang terdapat dalam rekod disiplin dan kaunseling sekolah tertentu. Pelajar-pelajar ini mempunyai kesalahan disiplin dari segi tingkah laku fizikal iaitu bergaduh, memukul, membuli dan mencuri, nonverbal iaitu isyarat untuk berkelahi, kasar dan lucah, dan antisosial iaitu menyertai kumpulan samseng dan melakukan vandalisme di sekolah. Pelajar ini adalah pelajar yang sedang disiasat, telah disiasat, telah dikenakan dendaan atas kesalahan mereka dan pelajar yang telah menerima sesi kaunseling.

Pelajar yang terlibat sebagai sampel kajian hanya 50 orang sampel sahaja. Ini kerana, mengikut rekod dan catatan guru bimbingan dan kaunseling sekolah berkenaan, hanya terdapat 50 orang pelajar yang direkodkan mengalami masalah disiplin.

1.10.3 Pelajar

Menurut kamus Dewan Bahasa (2005), pelajar ialah orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab dan sebagainya atau orang yang mengaji iaitu menyelidik ilmu.

Menurut Stanley (1904), zaman remaja merupakan zaman *storm and stress*. Ini kerana remaja akan mengalami perubahan secara biologikal akibat perubahan hormon tubuh badan dan perlu disesuaikan dengan harapan dan kehendak masyarakat. Oleh itu remaja sentiasa menghadapi konflik dalam memenuhi keperluan kejantinaan, perkembangan egoistik, tingkah laku tidak menentu, perkembangan *self esteem* dan emosi. Remaja juga bermaksud satu zaman yang dimulai dengan akil baligh dan berakhir apabila memasuki alam dewasa, biasanya pelajar ini dalam lingkungan umur antara 12 hingga 17 tahun.

Pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pelajar sekolah menengah yang berumur antara 13 hingga 17 tahun, iaitu pelajar menengah rendah antara umur 13 hingga 15 tahun manakala pelajar menengah atas antara umur 16 hingga 17 tahun. Pelajar ini terdiri daripada jantina lelaki dan perempuan yang berbangsa Melayu.

1.10.4 Sekolah Menengah

Menurut kamus Dewan Bahasa (2005), sekolah adalah tempat belajar dan mengajar atau tempat menerima dan memberi pelajaran.

Dalam kajian ini, sekolah menengah yang dipilih adalah sekolah bantuan penuh kerajaan yang menyediakan pelajaran kepada pelajar-pelajar dari tingkatan satu hingga lima. Pengkaji menjalankan kajian di sekolah luar bandar di daerah Perak Tengah yang terdiri daripada ciri-ciri pelajar yang berlainan dari segi budaya dan cara hidup.

1.10.5 Umur

Umur pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pelajar sekolah menengah yang berumur antara 13 hingga 17 tahun, iaitu pelajar menengah rendah antara umur 13 hingga 15 tahun manakala pelajar menengah atas antara umur 16 hingga 17 tahun. Pelajar ini terdiri daripada jantina lelaki dan perempuan yang berbangsa Melayu.

1.11 Rumusan

Kajian ini untuk melihat perkaitan antara nilai-nilai murni KBSM dengan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah menengah dewasa kini. Dengan kajian ini diharapkan dapat membantu untuk menangkis masalah tingkah laku yang tidak bermoral dalam kalangan remaja kini. Oleh itu, peranan pendidik sangat penting dalam mendidik dan mengasuh pelajar untuk mencapai kejayaan dan seterusnya melahirkan individu yang bertanggungjawab, berinovasi, berketerampilan dan berdaya saing dalam menjulang nama Negara di mata dunia.